

TEKS UCAPAN ALUAN

Yang Berbahagia

**Prof. Datuk Dr Shahrin bin Sahib @ Sahibuddin, FASc
Naib Canselor
Universiti Teknologi MARA**

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

**ANTARA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**DENGAN
INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA (IKIM)**

**DAN
ISLAMIC RELIEF MALAYSIA (IRM)**

**11 JANUARI 2023
CANSELERI TUANKU SYED SIRAJUDDIN
UiTM Shah Alam**

لَهُ الْحَمْدُ أَلْيَسْ

-
- 1. YANG BERBAHAGIA PROFESOR MADYA DATO' DR MOHAMED AZAM BIN MOHAMED ADIL**
Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia
 - 2. YANG BERUSAHA ENCIK MOHD SHUKOR SAHIR**
Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia
 - 3. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. MOHD AFANDI MAT RANI**
Dekan Akademi Pengajian Islam Kontemporari
 - 4. YANG BERBAHAGIA PROFESOR DR. S. SALAHUDIN SUYURNO**
Timbalan Dekan Hal Ehwal Akademik
 - 5. YANG BERUSAHA PROFESOR MADYA DR. AZRI BHARI**
Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar

**WAKIL INSTITUT KEFAHAMAN ISLAM MALAYSIA
WAKIL ISLAMIC RELIEF MALAYSIA
BARISAN STAF UITM
TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN**

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya kita dapat bersama-sama menyampurnakan **Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU)** antara **Universiti Teknologi MARA (UiTM)** dengan **Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)** dan **Islamic Relief Malaysia (IRM)**.
2. Pertamanya, saya mengalu-alukan kehadiran Ybhg Dato Ketua Pengarah IKIM; Pengerusi IRM dan seluruh delegasi kedua-dua buah institusi ke UiTM. Sekalung penghargaan dan terima kasih di atas kesudian untuk memperkuuhkan jalinan hubungan dua hala ini.
3. Tahniah juga diucapkan kepada Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM di bawah pimpinan YBhg. Dekan, Profesor Dr Mohd Afandi Mat Rani, kerana telah berjaya menyebarluaskan lagi ketampakan UiTM.

Para hadirin sekalian,

4. Sebagai sebuah universiti awam terbesar, UiTM menawarkan lebih daripada 500 program akademik dengan infrastruktur dan teknologi terkini di 34 kampus di seluruh negara. UiTM komited untuk terus mengembangkan inisiatif menyediakan perkhidmatan Pendidikan terbaik, terutamanya kepada Bumiputera melalui pengukuhan jalinan perkongsian antarabangsa.
5. UiTM amat yakin perkongsian baharu ini akan meningkatkan lagi pemindahan ilmu yang bertujuan untuk melahirkan graduan profesional yang berkualiti, yang akan menyumbang bukan sahaja kepada kesejahteraan diri sendiri tetapi juga kepada agama dan masyarakat.
6. ACIS telah menunjukkan perkembangan positif sebagai pusat akademik, dengan menyediakan kursus dengan permintaan yang tinggi. Ini termasuk bidang tumpuan Pengajian Islam Kontemporari, Pengurusan Industri Halal serta Muamalat & Kewangan Islam.

7. Pada masa yang sama, ACIS turut menawarkan Program Plus Tahfiz kepada graduan pusat pengajian Tahfiz di Malaysia melanjutkan pelajaran dalam pelbagai profesi di UiTM. Program ini sangat membantu Huffaz al-Quran untuk meningkatkan, dan memelihara hafazan dan pemahaman mereka terhadap al-Quran dan dalam masa yang sama membangun personaliti muslim profesional.

Hadirin yang dihormati sekalian,

8. Kerjasama antara **UiTM dengan IKIM dan IRM** akan menggalakkan keperluan aspek rentas-disiplin yang berorientasikan bidang kontemporari selaras dengan hala tuju ACIS. IKIM telah meletakkan visi untuk menjadi institusi utama kefahaman Islam bertaraf antarabangsa, manakala IRM berhasrat mewujudkan dunia yang prihatin yang mana tanggungjawab sosial dilaksanakan dan masyarakat bersatu.

9. Seiring dengan usaha UiTM untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia, perkongsian ini turut diharapkan dapat mendokong pencapaian Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Islamic Relief Malaysia (IRM) ke arah menjadi sebuah institusi keagamaan yang cemerlang di Malaysia.

Hadirin sekalian,

10. Saya berharap kerjasama ini dapat mengukuhkan kecemerlangan akademik dan penyelidikan warga ACIS melalui projek pendidikan inovatif yang akan memajukan lagi kesarjanaan, kefahaman Islam dan pembangunan komuniti untuk membantu menyelesaikan cabaran dan membina masa depan yang lebih mampan.

11. Semoga sinergi **UiTM bersama IKIM dan IRM** yang dimiliki pada hari ini memperluaskan lagi bidang yang menjadi tumpuan dan memberi nilai kepada kedua belah pihak. Dalam masa yang sama, akan terus memperkuuh hubungan murni antara universiti, industri dan komuniti.

12. Terima kasih sekali lagi kepada Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dan Islamic Relief Malaysia (IRM) atas usaha dan kesudian mengukuhkan kerjasama dengan UiTM. Serta syabas kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis pada hari ini.

Sekian.

Wabillahi Taufik Walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.